

29 MAR 2001

Adnan-Umno

PIHAK BERKEPENTINGAN CUBA SINGKIR MAZNAH, KATA ADNAN

KUANTAN, 29 Mac (Bernama) -- Tindakan kesemua 11 Ketua Wanita Bahagian Umno di Pahang untuk menyingkirkan Ketua Wanita Umno negeri itu, Maznah Mazlan, dilakukan oleh pihak yang berkepentingan diri dan untuk merebut kedudukan, kata Menteri Besar Datuk Seri Adnan Yaakob.

"Ia mudah sahaja...bila tidak percaya kepada Maznah, orang lain akan menjadi Ketua Wanita. Dan kalau orang itu wakil rakyat, dia nak jadi Exco pula ganti Maznah," katanya kepada pemberita ketika diminta mengulas mengenai dua memorandum hilang kepercayaan terhadap kepimpinan Maznah, yang juga Pengerusi Jawatankuasa Kebudayaan, Kesenian, Pelancongan dan Hal Ehwal Wanita Negeri.

Satu daripada memorandum itu dihantar kepada Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad selaku Presiden Umno dan satu lagi kepada Menteri Pembangunan Wanita dan Keluarga Datuk Shahrizat Abdul Jalil, iaitu mengenai pengagihan bantuan geran kepada Jawatankuasa Perundingan Hal Ehwal Wanita (Hawa) peringkat daerah.

Adnan yang juga Pengerusi Badan Perhubungan Umno Pahang, berkata kekecohan itu timbul kerana empat sebab iaitu ada pihak yang ingin menjawat jawatan sama ada Ketua Wanita Umno Negeri, Anggota Exco Kerajaan Negeri dan Pengerusi Hawa Negeri selain menggunakan peruntukan Hawa untuk kepentingan diri.

Beliau berkata usul tidak percaya itu tidak dicapai menerusi sebarang mesyuarat, sama ada mesyuarat perwakilan khas ataupun mesyuarat jawatankuasa khas, sebaliknya hanya ditandatangani oleh mereka yang terbabit.

"Kalau betul-betul (tidak percaya), setiap bahagian panggil semua cawangan bermesyuarat untuk mencapai keputusan tidak menyokong kepimpinan Ketua Wanita yang ada. Ini baru boleh dipakai," katanya.

Adnan menjelaskan pergolakan itu tercetus apabila Maznah, yang juga Pengerusi Hawa Pahang, enggan menyalurkan peruntukan RM30,000 bagi Hawa di setiap daerah kerana bimbang wang itu akan digunakan oleh kebanyakan Ketua Wanita bahagian Umno itu untuk berkempen dalam pemilihan di peringkat bahagian.

Katanya beliau akan memanggil kesemua pemimpin wanita Umno terbabit dalam masa terdekat ini untuk mendapatkan penjelasan.

Kepada satu soalan, beliau berkata tindakan itu tidak mendatangkan kesan kepada Umno pahang kerana isu itu hanya membabitkan pemimpin wanita bahagian yang berebut kuasa dan bukannya di peringkat bawahan.

Mengenai pertandingan merebut jawatan di peringkat bahagian, beliau berkata secara keseluruhannya pertandingan berjalan lancar, kecuali di satu atau dua bahagian yang terlalu sengit.

-- BERNAMA

ROS MAI